



1. Rajah di bawah menunjukkan seorang penyelam di dasar laut.



Keperluan asas yang perlu dibawa bersama olehnya ialah

- A. air
 - B. makanan
 - C. udara
 - D. tempat
2. Rajah 1 menunjukkan udara diperlukan oleh manusia untuk menjalani proses P



Antara berikut yang manakah mewakili P ?

- A. Pembiakan
 - B. Pertumbuhan
 - C. Perkumuhan
 - D. Pernafasan
3. Antara yang berikut yang manakah bukan keperluan asas manusia
- A Cahaya matahari
 - B Air
 - C Makanan
 - D Udara


4. Rajah 1 menunjukkan satu situasi.

Mengapa manusia memerlukan air ?



- A. Untuk membesar
- B. Melindungi dari bahaya.
- C. Supaya kekal sihat
- D. Imbangi diet seimbang

5. Rajah 3 menunjukkan keadaan seorang lelaki.



Apakah keperluan asas yang tidak diperolehinya ?

- A. Udara
- B. Tempat perlindungan
- C. Makanan
- D. Cahaya Matahari

6. Aminah menaiki bas yang padat. Selepas 30 minit dia pengsan. Beri sebab terjadi perkara ini?

- A. Tiada cukup udara dalam bas.
- B. Tiada cukup tempat perlindungan di dalam bas.
- C. Tiada cukup air dalam bas.
- D. Tiada cukup ruang dalam bas.

7. Yang manakah merupakan ciri yang diwarisi oleh manusia daripada keturunannya?

- i. keadaan rambut
 - ii. warna kulit
 - iii. rupa paras
 - iv. panjang rambut
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. semua di atas

8. Antara berikut, kombinasi keperluan asas dan sebab yang manakah tidak benar?

	Keperluan asas haiwan	Sebab
A	Makanan	Menjadikan haiwan membesar dengan lebih sihat dan kuat.
B	Tempat perlindungan	Melindungi haiwan dari bahaya, panas dan hujan.
C	Air	Mencuci badan mereka.
D	Udara	Mengeluarkan bahan kumuh dari badan.

9. Yang manakah amalan hidup sihat ?

- i. rehat yang mencukupi
- ii aktiviti cergas seperti bersenam
- iii makanan yang seimbang
- iv elakkan tabiat merokok

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. semua di atas

10. Rajah berikut menunjukkan satu penyiasatan.




Apakah yang akan berlaku selepas satu minggu?

- A Belalang di dalam bekas P mati kerana ketiadaan air.
- B Belalang di dalam bekas P mati kerana ketiadaan makanan.
- C Belalang Q mati kerana ketiadaan pasangan.
- D Belalang Q mati kerana ketiadaan makanan .

11. Tanpa air dan makanan, seekor ayam akan mati. Berikan sebab yang sesuai.

- A makanan ialah keperluan asas ayam.
- B air ialah keperluan asas ayam
- C air dan makanan adalah keperluan asas untuk hidup
- D ayam hanya boleh hidup di dalam air.

12. Rajah 1 menunjukkan **keperluan asas** yang diperlukan oleh haiwan.



Apakah yang diwakili oleh X?

- A. Nutrien
- B. Tempat tinggal
- C. Garam Mineral
- D. Cahaya matahari

13. Apakah yang dimaksudkan dengan habitat ?

- A. Tempat berkumpul
- C. tempat tinggal
- B. Tempat untuk melahirkan anak
- D. tempat mencari makanan

14. Berikut adalah tempat tinggal bagi beberapa jenis haiwan



gua





kolam

Antara haiwan-haiwan berikut manakah yang betul ?

Gua	Kolam
A. Kelawar, beruang	Udang, ikan
B. Lebah, burung	Ikan, berudu
C. Burung, semut	Ikan, semut
D. Tikus, kelawar	Lebah, burung

15. Rajah 4 menunjukkan satu penyiasatan.



Selepas satu minggu, apakah yang terjadi ?

	Botol X	Botol Y
A.	Aras air menjadi rendah	Tiada perubahan dalam aras minyak
B.	Aras air menjadi rendah	Aras minyak menjadi rendah
C.	Aras air kekal sama	Tiada perubahan dalam aras minyak
D.	Aras air kekal sama	Aras minyak menjadi rendah


16. Rajah 5 menunjukkan sebatang pokok di dalam pasu.



Apakah yang berlaku jika pokok ini tidak disiram selama satu minggu?

- A. Pokok itu akan mati
- B. Pokok itu akan tumbuh lebih tinggi
- C. Pokok itu akan tumbuh buah
- D. Pokok itu akan tumbuh lebih banyak daun

17. Sebatang pokok di dalam pasu diletakkan di dalam sebuah bilik tertutup dengan tingkap terbuka seperti rajah



Apakah inferens berdasarkan pemerhatian di atas?

- A. Tumbuhan itu memerlukan udara untuk tumbuh
- B. Tumbuhan itu memerlukan cahaya matahari untuk tumbuh
- C. Tumbuhan itu perlu diletakkan di dalam bilik untuk tumbuh
- D. Tumbuhan itu tumbuh sihat tanpa air

18. Apakah yang berlaku semasa seseorang menarik nafas ?

- A Oksigen masuk ke paru-paru
- B Karbon dioksida masuk ke paru-paru
- C Oksigen keluar melalui paru-paru
- D Karbon dioksida keluar melalui paru-paru

19. Semasa proses X berlaku dalam badan manusia peparu mengembang dan menyebabkan dada ternaik ke atas.

Apakah proses X ?

- A Menarik nafas
- B Menghembus nafas
- C Perkumuhan
- D Bernyahtinja

20. Udara yang sedut semasa proses menarik nafas mengandungi lebih banyak..

- A Oksigen
- B Karbon dioksida
- C Oksigen dan karbon dioksida
- D Karbon diokasida dan wap air

21. Rajah di bawah menunjukkan laluan udara semasa proses X

Hidung → salur udara → peparu

Apakah proses x ?

- A Menarik nafas
- B Menghembus nafas
- C Perkumuhan
- D Perpeluhuan


22. Rajah menunjukkan laluan udara semasa menarik nafas.

Hidung → X → peparu

Apakah yang diwakili oleh X?

- A Hati
- B Mulut
- C Jantung
- D Salur udara

23.



Antara pernyataan yang berikut , manakah yang betul ?

- A. Udara X mengandungi lebih oksigen
- B. Udara Y mengandungi lebih oksigen
- C. Udara X mengandungi lebih karbon
- D. Udara Y mengandungi kurang karbon dioksida

24. Antara yang berikut , manakah yang betul menunjukkan perbandingan kandungan karbon dioksida di dalam udara sedutan dan udara hembusan?

	Udara sedutan	Udara hembusan
A	Lebih rendah	Lebih rendah
B	Lebih tinggi	Lebih tinggi
C	Lebih rendah	Lebih tinggi
D	Lebih tinggi	Lebih rendah

25. Jadual menunjukkan organ pernafasan bagi benda hidup.

Hidupan	Organ pernafasan
Ikan	Insang
Belalang	Struktur trakea
Cacing	Kulit lembap
Manusia	?

Apakah organ pernafasan bagi manusia ?

- | | |
|------------|--------------------|
| A. Peparu | C. Hidung |
| B. Jantung | D. Struktur trakea |

26. Jadual menunjukkan nama murid dan kadar pernafasan mereka selepas melakukan satu aktiviti fizikal.

Nama murid	Kadar pernafasan selepas melakukan aktiviti fizikal dalam satu minit
Ikhwan	100
Firdaus	105
Hafiz	110

Apakah kesimpulan daripada jadual di atas ?

- A. Individu yang sama mempunyai kadar pernafasan yang sama.
- B. Individu yang berbeza mempunyai kadar pernafasan yang sama
- C. Individu yang berbeza mempunyai kadar pernafasan yang berbeza
- D. Hafiz mempunyai kadar pernafasan paling tinggi manakala Ikhwan paling rendah

27. Antara aktiviti yang berikut, manakah yang meningkatkan kadar pernafasan?

I Berkawat

II Tidur

III Membaca

IV Bersenam

A. I dan II

B. I dan IV

C. II dan III

D. II dan IV

28. Mengapakah manusia menjalankan perkumuhan dan penyahtinjaan?

A. Untuk mendapatkan tenaga

B. Untuk bergerak balas terhadap rangsangan

C. Untuk mengekalkan kesihatan badan

D. Untuk mengawal suhu badan

29. Bahan kumuh yang manakah dihasilkan oleh ginjal?

I. Urea

II. Karbon dioksida

III Air

IV Garam mineral

A. I,II dan III C. I, III dan IV

B. II,III dan IV D.I, II,III dan IV

30. Antara padanan haiwan dengan organ respirasi berikut, yang manakah tidak benar?

A. Lipas - liang pernafasan

B. Ikan lumba-lumba - insang

C. Pacat - kulit lembap

D. Buaya - peparu

31. Antara berikut yang manakah adalah hasil penyahtinjaan manusia?

- A. Air kencing
- B. Ninja
- C. Oksigen
- D. Karbon dioksida

32. Manakah antara berikut organ berikut terlibat di dalam proses pernafasan dan perkumuhan

- A Peparu
- B Kulit
- C Perut
- D Ginjal

33. Apakah kesan terhadap manusia jika mereka tidak menyingkirkan bahan buangan melalui proses perkumuhan?

- A menjadi semakin sihat
- B berat badan semakin meningkat
- C kesihatan manusia akan terjejas
- D kehidupan manusia menjadi semakin gembira

34. Apakah yang dimaksudkan dengan Penyahtinjaan ?

- A Menyingkirkan peluh daripada badan
- B Menyingkirkan bahan buangan daripada badan.
- C Menyingkirkan makanan yang tidak dihadam daripada badan
- D Menyingkirkan makanan, air kencing dan peluh daripada badan.

35. Antara berikut yang manakah organ-organ yang bergerak balas terhadap rangsangan ?

- | | |
|------------|-----------|
| 1. Hidung | ll. Mulut |
| III. Kulit | IV. Lidah |

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. I , II dan III
- D. I , III dan IV

36. Jadual 1 di bawah menunjukkan organ-organ yang bergerak balas terhadap rangsangan dan jenis rangsangan yang dikesan. Antara berikut yang manakah padanan yang betul ?

	Organ	Rangsangan yang dikesan
A	Hidung	Bau

B	Telinga	Suhu
C	Mata	Bunyi
D	Kulit	Rasa

37. Berdasarkan Jadual 2 dibawah, padanan manakah yang benar tentang jenis rangsangan dan gerak balas yang terlibat ?

	Rangsangan	Gerak balas
A	Suhu	Menarik tangan dengan pantas apabila tersentuh satu permukaan panas
B	Bunyi	Membiarkan telinga terdedah secara terus kepada punca bunyi
C	Cahaya	Menumpukan mata secara terus ke arah sumber cahaya
D	Bau	Memasukkan objek kedalam hidung

38. Apakah gerak balas yang berlaku ke atas badan kita apabila menghadapi situasi rangsangan persekitaran yang sejuk ?

- A. Menutup telinga
- B. Hidung menjadi tersumbat
- C. Badan menggigil
- D. Suhu badan meningkat secara tiba-tiba

39. Apakah yang akan berlaku apabila tangan kamu tersentuh secawan kopi panas secara tidak sengaja.

- A menjerit → terus menyentuh cawan itu
- B menjerit → menarik tangan daripada cawan itu
- C menjerit → menolak cawan menjauhinya
- D menjerit → terendam jari ke dalam cawan

40. Apabila kamu mendengar bunyi guruh, apakah gerakbalas pertama kamu?

- A tidak berdiri di bawah pokok

- B menutup telinga dengan cepat
- C berlari keluar dari rumah
- D menjerit dengan kuat